- Pembantu Pendaftaran Gred KP17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Pembantu Pendaftaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
- Pembantu Pendaftaran Gred KP17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- Pembantu Pendaftaran Gred KP17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pembantu Pendaftaran hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP22**
9. Pembantu Pendaftaran Gred KP17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pendaftaran Gred KP22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP26**
10. Pembantu Pendaftaran Gred KP22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pendaftaran Gred KP26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN**
11. Pembantu Pendaftaran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Pendaftaran Gred KP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred KP27	: P1T1	RM936.64	-	P1T25	RM2343.04
	P2T1	RM1019.30	-	P2T25	RM2488.24
	P3T1	RM1077.38	-	P3T25	RM2638.28
Gred KP32	: P1T1	RM1930.43	-	P1T11	RM2716.93
	P2T1	RM2098.62	-	P2T11	RM2957.72
Gred KP38	: P1T1	RM2401.12	-	P1T11	RM3551.83
	P2T1	RM2569.31	-	P2T11	RM3929.35

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP27: P1T5);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Imigresen adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KP27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penolong Penguasa Imigresen hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP32**
10. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP38**
11. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI IMIGRESEN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred KP17	:	P1T1	RM656.30	-	P1T24	RM1721.10
		P2T1	RM697.44	-	P2T24	RM1817.90
		P3T1	RM739.79	-	P3T24	RM1918.33
Gred KP22	:	P1T1	RM1532.34	-	P1T12	RM2270.44
		P2T1	RM1646.08	-	P2T12	RM2507.60
Gred KP26	:	P1T1	RM1757.40	-	P1T9	RM2386.60
		P2T1	RM1925.59	-	P2T9	RM2612.87

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KP17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pegawai Imigresen Gred KP17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pegawai Imigresen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pegawai Imigresen Gred KP17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pegawai Imigresen Gred KP17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pegawai Imigresen hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP22**
9. Pegawai Imigresen Gred KP17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Imigresen Gred KP22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP26**
10. Pegawai Imigresen Gred KP22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Imigresen Gred KP26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN**
11. Pegawai Imigresen yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGUASA PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred KX41	:	P1T1	RM1480.70	-	P1T22	RM3417.91
		P2T1	RM1564.19	-	P2T22	RM3636.92
		P3T1	RM1651.31	-	P3T22	RM3870.45
Gred KX42	:	P1T1	RM3082.74	-	P1T7	RM3874.08
		P2T1	RM3362.25	-	P2T7	RM4218.93
Gred KX48	:	P1T1	RM3814.79	-	P1T6	RM4607.34
		P2T1	RM4149.96	-	P2T6	RM5003.01
Gred KX50	:	P1T1	RM4170.53	-	P1T6	RM4963.08
		P2T1	RM4505.70	-	P2T6	RM5358.75
Gred KX54	:	P1T1	RM4526.27	-	P1T6	RM5318.82
		P2T1	RM4861.44	-	P2T6	RM5714.49

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41: P1T3);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak tercacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan.

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penguasa Penjara Gred KX41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Penguasa Penjara Gred KX41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penguasa Penjara Gred KX41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Penguasa Penjara hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX42**

10. Penguasa Penjara Gred KX41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX42 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX48**

11. Penguasa Penjara Gred KX42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX50**

12. Penguasa Penjara Gred KX48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX50 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX54**

13. Penguasa Penjara Gred KX50 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Penguasa Penjara Gred KX54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred KX27	: P1T1	RM886.20	-	P1T18	RM1884.45
	P2T1	RM927.34	-	P2T18	RM1988.51
	P3T1	RM969.69	-	P3T18	RM2096.20
Gred KX32	: P1T1	RM1776.76	-	P1T9	RM2570.52
	P2T1	RM1986.09	-	P2T9	RM2837.93

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27: P1T3); atau

 - (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27: P1T7);
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak tercacat; dan

	(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan.
	dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN	2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Penjara adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:- <ul style="list-style-type: none"> (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan kadet Penolong Penguasa Penjara; dan (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Penolong Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	9. Penolong Penguasa Penjara hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX32	10. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENGUASA PENJARA**

11. Penolong Penguasa Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred KX11	:	P1T1	RM553.45	-	P1T17	RM1163.29
		P2T1	RM586.12	-	P2T17	RM1225.00
		P3T1	RM620.00	-	P3T17	RM1287.92
Gred KX14	:	P1T1	RM728.90	-	P1T13	RM1349.63
		P2T1	RM814.81	-	P2T13	RM1532.34
Gred KX18	:	P1T1	RM1024.14	-	P1T8	RM1489.99
		P2T1	RM1164.50	-	P2T8	RM1664.23
Gred KX22	:	P1T1	RM1222.58	-	P1T7	RM1621.88
		P2T1	RM1362.94	-	P2T7	RM1791.28
Gred KX24	:	P1T1	RM1419.81	-	P1T7	RM1819.11
		P2T1	RM1560.17	-	P2T7	RM1988.51

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak tercacat; dan

- (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan.
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas;
- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti di perenggan 1(d) di atas; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai Penjara Gred KX11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pegawai Penjara Gred KX11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan tamat dengan jayanya latihan asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai Penjara Gred KX11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan tamat dengan jayanya latihan asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pegawai Penjara hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX14**

10. Pegawai Penjara Gred KX11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX14 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX18**

11. Pegawai Penjara Gred KX14 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX18 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX22**

12. Pegawai Penjara Gred KX18 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX22 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX24**

13. Pegawai Penjara Gred KX22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX24 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA
PENJARA**

14. Pegawai Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERHUBUNGAN PREMAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred KP19	: P1T1	RM917.66	-	P1T20	RM1836.05
	P2T1	RM958.80	-	P2T20	RM1929.22
	P3T1	RM1001.15	-	P3T20	RM2026.02
Gred KP22	: P1T1	RM1532.34	-	P1T12	RM2270.44
	P2T1	RM1646.08	-	P2T12	RM2507.60

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan; atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan; atau
(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Koperal atau Sarjan dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.
- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KP19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pegawai Perhubungan Preman Gred KP19 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pegawai Perhubungan Preman boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pegawai Perhubungan Preman Gred KP19 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pegawai Perhubungan Preman Gred KP19 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pegawai Perhubungan Preman hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP22**

9. Pegawai Perhubungan Preman Gred KP19 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perhubungan Preman Gred KP22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI SIASATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred KR41	:	P1T1	RM1468.60	-	P1T27	RM4033.80
		P2T1	RM1550.88	-	P2T27	RM4275.80
		P3T1	RM1636.79	-	P3T27	RM4538.37
Gred KR44	:	P1T1	RM2590.27	-	P1T14	RM4289.11
		P2T1	RM2867.36	-	P2T14	RM4707.77
Gred KR48	:	P1T1	RM3780.91	-	P1T8	RM5017.53
		P2T1	RM4156.01	-	P2T8	RM5494.27
Gred KR52	:	P1T1	RM4257.65	-	P1T8	RM5494.27
		P2T1	RM4661.79	-	P2T8	RM6000.05
Gred KR54	:	P1T1	RM4486.34	-	P1T8	RM5839.12
		P2T1	RM4883.22	-	P2T8	RM6373.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR41: P1T3); atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR41: P1T4); atau

(iii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR41: P1T8); atau

(iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR41: P1T8); atau

(v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR41: P1T9); atau

(vi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR41: P1T10);

[Senarai badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 1(c) (iv) dan (v) adalah seperti di Lampiran K1].

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Siasatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Siasatan Gred KR41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KR41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Siasatan Gred KR41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Siasatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Siasatan Gred KR41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Siasatan Gred KR41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**
9. Pegawai Siasatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KR44**
10. Pegawai Siasatan Gred KR41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Siasatan Gred KR44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KR48**
11. Pegawai Siasatan Gred KR44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Siasatan Gred KR48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KR52**
12. Pegawai Siasatan Gred KR48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Siasatan Gred KR52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KR54**
13. Pegawai Siasatan Gred KR52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Siasatan Gred KR54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**
14. Pegawai Siasatan Gred KR54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1996 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1996, JPA(S)324/14/1-7 Klt. 4 (31)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI SIASATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred KR29	:	P1T1	RM963.64	-	P1T26	RM2421.69
		P2T1	RM1019.30	-	P2T26	RM2570.52
		P3T1	RM1077.38	-	P3T26	RM2724.19
Gred KR32	:	P1T1	RM1930.43	-	P1T13	RM2874.23
		P2T1	RM2098.62	-	P2T13	RM3129.54
Gred KR38	:	P1T1	RM2401.12	-	P1T11	RM3551.83
		P2T1	RM2569.31	-	P2T11	RM3929.35

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) diploma dalam bidang pentadbiran awam, perakaunan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR29: P1T5); atau

- (ii) diploma daripada Universiti Teknologi Malaysia atau Universiti Pertanian Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR29: P1T6);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Siasatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred KR29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KR29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Pegawai Siasatan Gred KR29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Pegawai Siasatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**
6. Penolong Pegawai Siasatan Gred KR29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**
7. Penolong Pegawai Siasatan Gred KR29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Siasatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KR32**
10. Penolong Pegawai Siasatan Gred KR29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred KR32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KR38**
11. Penolong Pegawai Siasatan Gred KR32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred KR38 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI SIASATAN**

12. Penolong Pegawai Siasatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Siasatan Gred KR41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1996 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1996, JPA(S)324/14/1-7 Klt. 4 (31)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU SIASATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred KR17	: P1T1	RM656.30	-	P1T24	RM1721.10
	P2T1	RM697.44	-	P2T24	RM1817.90
	P3T1	RM739.79	-	P3T24	RM1918.33
Gred KR22	: P1T1	RM1532.34	-	P1T12	RM2270.44
	P2T1	RM1646.08	-	P2T12	RM2507.60
Gred KR26	: P1T1	RM1756.19	-	P1T9	RM2385.39
	P2T1	RM1924.38	-	P2T9	RM2611.66

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyiasatan dan penyelidikan atau penguatkuasaan dalam perkhidmatan kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KR17: P1T2);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KR17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pembantu Siasatan Gred KR17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pembantu Siasatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Siasatan Gred KR17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Siasatan Gred KR17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pembantu Siasatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KR22**
9. Pembantu Siasatan Gred KR17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Siasatan Gred KR22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KR26**
10. Pembantu Siasatan Gred KR22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Siasatan Gred KR26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SIASATAN**
11. Pembantu Siasatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred KP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1996 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1996, JPA(S)324/14/1-7 Klt. 4 (31)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI UNDANG-UNDANG**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred L41	:	P1T1	RM1729.96	-	P1T24	RM4087.04
		P2T1	RM1813.45	-	P2T24	RM4332.67
		P3T1	RM1900.57	-	P3T24	RM4586.77
Gred L44	:	P1T1	RM2625.36	-	P1T14	RM4339.93
		P2T1	RM2907.29	-	P2T14	RM4779.16
Gred L48	:	P1T1	RM3818.42	-	P1T8	RM5063.51
		P2T1	RM4195.94	-	P2T8	RM5542.67
Gred L52	:	P1T1	RM4295.16	-	P1T8	RM5540.25
		P2T1	RM4701.72	-	P2T8	RM6048.45
Gred L54	:	P1T1	RM4529.90	-	P1T8	RM5898.41
		P2T1	RM4930.41	-	P2T8	RM6438.07

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Undang-undang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred L41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai Undang-undang Gred L41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai Undang-undang boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
6. Pegawai Undang-undang Gred L41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai Undang-undang Gred L41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pegawai Undang-undang hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED L44**
10. Pegawai Undang-undang Gred L41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED L48**
11. Pegawai Undang-undang Gred L44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED L52**
12. Pegawai Undang-undang Gred L48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED L54**

13. Pegawai Undang-undang Gred L52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Undang-undang Gred L54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU UNDANG-UNDANG**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred L29	:	P1T1	RM1177.81	-	P1T22	RM2422.90
		P2T1	RM1234.68	-	P2T22	RM2581.41
		P3T1	RM1293.97	-	P3T22	RM2725.40
Gred L32	:	P1T1	RM2167.59	-	P1T10	RM2875.44
		P2T1	RM2335.78	-	P2T10	RM3108.97
Gred L38	:	P1T1	RM2402.33	-	P1T11	RM3553.04
		P2T1	RM2570.52	-	P2T11	RM3930.56

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: P1T4);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Undang-undang Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred L29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred NT17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Pegawai Tanah yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Pegawai Tanah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Penolong Pegawai Tanah dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Penolong Pegawai Tanah Gred yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Tanah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED NT22**
10. Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED NT32**

11. Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR**

12. Penolong Pegawai Tanah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.2001 [Pekeliling perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2001, JPA(S)324/14/20 Klt. 4 (52)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENYELIDIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred Q41	: P1T1	RM1651.31	-	P1T25	RM4100.35
	P2T1	RM1734.80	-	P2T25	RM4337.51
	P3T1	RM1821.92	-	P3T25	RM4595.24
Gred Q43	: P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
	P2T1	RM2764.51	-	P2T14	RM4557.73
	P3T1	RM2908.50	-	P3T14	RM4780.37
Gred Q44	: P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
	P2T1	RM2908.50	-	P2T14	RM4780.37
Gred Q47	: P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
	P2T1	RM4035.01	-	P2T8	RM5347.86
	P3T1	RM4229.82	-	P3T8	RM5593.49
Gred Q48	: P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
	P2T1	RM4229.82	-	P2T8	RM5593.49
Gred Q51	: P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
	P2T1	RM4531.11	-	P2T8	RM5843.96
	P3T1	RM4740.44	-	P3T8	RM6104.11
Gred Q52	: P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
	P2T1	RM4740.44	-	P2T8	RM6104.11
Gred Q53	: P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
	P2T1	RM4753.75	-	P2T8	RM6210.59
	P3T1	RM4970.34	-	P3T8	RM6486.47
Gred Q54	: P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
	P2T1	RM4970.34	-	P2T8	RM6486.47

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T3); atau

- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T5); atau

- (v) ijazah sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T6); atau

- (vi) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred M41: P1T9);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**LANTIKAN TERUS KE GRED
Q43, Q47, Q51 ATAU Q53**

- 3. Calon adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q43, Gred Q47, Gred Q51 atau Gred Q53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; dan

- (b) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan kepada bidang pembangunan dan penyelidikan (R & D).
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q41, Q43, Q47, Q51 atau Q53 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai Penyelidik yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai Penyelidik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
7. Pegawai Penyelidik dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai Penyelidik yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
10. Pegawai Penyelidik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED Q44**
11. Pegawai Penyelidik Gred Q41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED Q48**
12. Pegawai Penyelidik Gred Q43/Q44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q52**

13. Pegawai Penyelidik Gred Q47/Q48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q54**

14. Pegawai Penyelidik Gred Q51/Q52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pegawai Penyelidik Gred Q53/Q54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred Q27	:	P1T1	RM966.06	-	P1T26	RM2424.11
		P2T1	RM1021.72	-	P2T26	RM2572.94
		P3T1	RM1079.80	-	P3T26	RM2726.61
Gred Q32	:	P1T1	RM1932.85	-	P1T13	RM2876.65
		P2T1	RM2101.04	-	P2T13	RM3131.96
Gred Q36	:	P1T1	RM2404.75	-	P1T11	RM3555.46
		P2T1	RM2572.94	-	P2T11	RM3932.98

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains; atau
(ii) diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27: P1T5); atau
(iii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27: P1T6); atau
(iv) Diploma Sains Veterinar/Haiwan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27: P1T7);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Penyelidik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Penyelidik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q32**

10. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q36**

11. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENYELIDIK**

12. Penolong Pegawai Penyelidik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PENYELIDIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred Q17	:	P1T1	RM658.72	-	P1T24	RM1723.52
		P2T1	RM699.86	-	P2T24	RM1820.32
		P3T1	RM742.21	-	P3T24	RM1920.75
Gred Q22	:	P1T1	RM1534.76	-	P1T12	RM2272.86
		P2T1	RM1648.50	-	P2T12	RM2510.02
Gred Q26	:	P1T1	RM1758.61	-	P1T9	RM2387.81
		P2T1	RM1926.80	-	P2T9	RM2614.08

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q17: P1T7); atau
 - Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q17: P1T8);
- dan
- lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Pembantu Penyelidik Gred Q17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Pembantu Penyelidik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Penyelidik Gred Q17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Penyelidik Gred Q17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pembantu Penyelidik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q22**

9. Pembantu Penyelidik Gred Q17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyelidik Gred Q22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q26**

10. Pembantu Penyelidik Gred Q22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyelidik Gred Q26 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
PENYELIDIK**

11. Pembantu Penyelidik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PEMERIKSA PATEN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred Q41	:	P1T1	RM1651.31	-	P1T25	RM4100.35
		P2T1	RM1734.80	-	P2T25	RM4337.51
		P3T1	RM1821.92	-	P3T25	RM4595.24
Gred Q44	:	P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
		P2T1	RM2908.50	-	P2T14	RM4780.37
Gred Q48	:	P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
		P2T1	RM4229.82	-	P2T8	RM5593.49
Gred Q52	:	P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
		P2T1	RM4740.44	-	P2T8	RM6104.11
Gred Q54	:	P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
		P2T1	RM4970.34	-	P2T8	RM6486.47

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T3); atau
(iii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T6); atau

(iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred M41: P1T9);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains dan Pembantu Teknik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Pemeriksa Paten boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pegawai Pemeriksa Paten hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q44**

10. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) telah dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Paten oleh Lembaga Paten Malaysia;
- (d) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (e) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q48**

11. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) telah dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Paten oleh Lembaga Paten Malaysia;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q52**

12. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) telah dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Paten oleh Lembaga Paten Malaysia;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q54**

13. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) telah dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Paten oleh Lembaga Paten Malaysia;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.2000 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2000, JPA(S)324/14/33 Klt. 2(26)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEKERJA RENDAH AWAM (PRA)**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred R1	: P1T1	RM479.64	-	P1T14	RM872.89
	P2T1	RM511.10	-	P2T14	RM920.08
	P3T1	RM543.77	-	P3T14	RM968.48
Gred R4	: P1T1	RM519.57	-	P1T17	RM1003.57
	P2T1	RM583.70	-	P2T17	RM1106.42

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
(Gaji permulaan ialah pada Gred R1: P1T3);
 - dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pekerja Rendah Awam Gred R1 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pekerja Rendah Awam boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pekerja Rendah Awam Gred R1 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pekerja Rendah Awam Gred R1 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan

- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**
8. Pekerja Rendah Awam hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R4**
9. Pekerja Rendah Awam Gred R1 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Rendah Awam Gred R4 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEKERJA RENDAH AWAM
KHAS, PEMANDU
KENDERAAN BERMOTOR,
OPERATOR LOJI**
10. Pekerja Rendah Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor atau Operator Loji yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEKERJA RENDAH AWAM KHAS (PRAK)**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred R3	: P1T1	RM519.57	-	P1T17	RM1003.57
	P2T1	RM551.03	-	P2T17	RM1054.39
	P3T1	RM583.70	-	P3T17	RM1106.42
Gred R6	: P1T1	RM642.99	-	P1T15	RM1066.49
	P2T1	RM707.12	-	P2T15	RM1164.50

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T2);
- dan
- berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam dalam bidang berkaitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- | | |
|--|---|
| LATIHAN | 5. Pekerja Rendah Awam Khas boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan. |
| KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN | 6. Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 7. Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN | 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN | 9. Pekerja Rendah Awam Khas hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R6 | 10. Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Rendah Awam Khas Gred R6 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
OPERATOR LOJI,
PEMANDU ENJIN (KBB) | 11. Pekerja Rendah Awam Khas yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji atau Pemandu Enjin (KBB) yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. |

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred R3	: P1T1	RM519.57	-	P1T17	RM1003.57
	P2T1	RM551.03	-	P2T17	RM1054.39
	P3T1	RM583.70	-	P3T17	RM1106.42
Gred R6	: P1T1	RM642.99	-	P1T15	RM1066.49
	P2T1	RM707.12	-	P2T15	RM1164.50

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
(ii) memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
(iii) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred R3:

- Lesen D P1T3
- Lesen E/E1/E2 P1T4
- Lesen F/H P1T5
- Lesen G/I P1T6

dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG MEMPEROLEHI LESEN MEMANDU KELAS LEBIH TINGGI SEMASA DALAM PERKHIDMATAN**
4. Pemandu Kenderaan Bermotor yang memperolehi lesen memandu kelas lebih tinggi semasa dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan mengikut lesen berkenaan, sekiranya gaji anggota masih rendah daripada gaji permulaan lesen berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pemandu Kenderaan Bermotor boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
7. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
10. Pemandu Kenderaan Bermotor hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED R6**
11. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R6 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) mempunyai lesen memandu yang sah dan bersesuaian untuk memandu kenderaan/jentera yang beratnya melebihi 5000kg;
 - (d) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai berkebolehan memandu/mengendali dan menyenggara kenderaan/jentera yang berkaitan. (Ketua perkhidmatan boleh mengadakan ujian khas jika sesuai bagi memastikan calon benar-benar layak).

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1997 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1997, JPA(S)324/1/7-15 Klt. 4(33)].

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR LOJI**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred R3	: P1T1	RM519.57	-	P1T17	RM1003.57
	P2T1	RM551.03	-	P2T17	RM1054.39
	P3T1	RM583.70	-	P3T17	RM1106.42
Gred R8	: P1T1	RM800.29	-	P1T10	RM1096.74
	P2T1	RM864.42	-	P2T10	RM1194.75

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
 - (ii) sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred II atau Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Stim/Dandang Gred II mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 - (iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi yang mana berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T3);
- dan
- (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE GRED R3**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN KE
GRED R8**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d); dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Operator Loji Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Operator Loji boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

7. Operator Loji Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Operator Loji Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

10. Operator Loji hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R8**

11. Operator Loji Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Loji Gred R8 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred I atau Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Stim/Dandang Gred I;
- (e) diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai cekap mengendalikan Loji Pembakaran Dalam Melebihi 100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya melebihi 100 kaki persegi mana yang berkenaan

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU/OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred R3	:	P1T1	RM519.57	-	P1T17	RM1003.57
		P2T1	RM551.03	-	P2T17	RM1054.39
		P3T1	RM583.70	-	P3T17	RM1106.42
Gred R14	:	P1T1	RM946.70	-	P1T7	RM1266.14
		P2T1	RM1060.44	-	P2T7	RM1408.92
Gred R16	:	P1T1	RM1045.92	-	P1T9	RM1471.84
		P2T1	RM1159.66	-	P2T9	RM1624.30

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
(ii) memiliki lesen memandu Kelas E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan lesen yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
(iii) berkebolehan memandu dan mengendalikan semua jenis jentera pemunggal dalam pelbagai saiz dan kekuatan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T3);
- dan
- (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R3 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pemandu/Operator Jentera Pemunggal boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pemandu/Operator Jentera Pemunggal hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R14**

9. Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R14 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) (i) memiliki sijil kecekapan memandu dan mengendalikan jentera pemunggal (bukan kontena) yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan; atau
(ii) diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai telah mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam memandu dan mengendalikan jentera pemunggal (bukan kontena) dalam pelbagai saiz dan kekuatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R16**

10. (a) Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R14 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal Gred R16 yang kosong apabila telah:-

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (ii) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (iii) memiliki sijil kecekapan memandu dan mengendalikan jentera pemunggal (kontena) yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan; atau
- (iv) diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai telah mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam memandu dan mengendalikan tiga jenis jentera pemunggal (kontena) dalam pelbagai saiz dan kekuatan; atau

- (b) Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred R16 yang kosong apabila telah:-
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iii) lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
 - (iv) memiliki kelayakan masuk seperti di perenggan 9(d) (i) atau (ii) dan 10(a) (iii) atau (iv).

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred R17	:	P1T1	RM933.39	-	P1T15	RM1585.58
		P2T1	RM974.53	-	P2T15	RM1666.65
		P3T1	RM1016.88	-	P3T15	RM1751.35
Gred R22	:	P1T1	RM1045.92	-	P1T22	RM2044.17
		P2T1	RM1129.41	-	P2T22	RM2238.98
Gred R24	:	P1T1	RM1399.24	-	P1T16	RM2357.56
		P2T1	RM1512.98	-	P2T16	RM2616.50

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan;
(ii) sekurang-kurangnya mempunyai sijil AO (Sistem Pemasangan Kilang-kilang) yang dikeluarkan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- dan
- (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K2 (Tukang Elektrik), Tukang K3 (Pendawai dan Pencari Kerosakan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat

dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penjaga Jentera Elektrik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Penjaga Jentera Elektrik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R22**

10. Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) sekurang-kurangnya mempunyai Sijil A4 yang dikeluarkan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (e) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R24**

11. Penjaga Jentera Elektrik Gred R22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R24 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) sekurang-kurangnya mempunyai Sijil B0 yang dikeluarkan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

**SKIM PERKHIDMATAN
TUKANG K1**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred R17	:	P1T1	RM933.39	-	P1T15	RM1585.58
		P2T1	RM974.53	-	P2T15	RM1666.65
		P3T1	RM1016.88	-	P3T15	RM1751.35
Gred R24	:	P1T1	RM1399.24	-	P1T16	RM2357.56
		P2T1	RM1512.98	-	P2T16	RM2616.50

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau
(ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - (d) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2;

dan (e) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K2 dan K3 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K1 Gred R17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; dan

- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
